

CUEPACS akan hantar laporan sistem alternatif kepada PM

UM 27 MAR 2001

KUALA LUMPUR 26 Mac — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan menghantar satu laporan lengkap kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai sistem alternatif kepada Sistem Saran Baru (SSB), dalam tempoh terdekat ini.

Presidennya, N. Siva Subramaniam berkata, laporan lengkap itu adalah sebagai kenyataan 'hitam putih' daripada CUEPACS mengenai cadangan sistem baru yang akan menggantikan SSB itu.

"Walaupun kita telah maklumkan kepada beliau (Dr. Mahathir) sebelum ini dan mengemukakan beberapa cadangan supaya SSB dihapuskan, kita akan lanjutkan dengan laporan leng-

kap mengenainya," katanya kepada *Utusan* di sini, hari ini.

Menurut Siva laporan itu adalah susulan kepada kenyataan Dr. Mahathir semalam yang meminta kongres tersebut menyediakan maklum balas mengenai perkara itu.

Ketika bercakap kepada pemberita di Kota Kinabalu semalam, Perdana Menteri meminta CUEPACS menyediakan pandangan dan maklum balas yang lebih konkrit untuk tindakan kerajaan selanjutnya.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat banyak protes terhadap SSB semenjak ia diwujudkan dan kajian akan dijalankan mengenainya seperti yang diminta oleh CUEPACS.

Semalam *Utusan* melaporkan gesaan CUEPACS agar SSB dihapuskan

dan digantikan dengan sistem lain yang lebih telus dan bersistematik.

Langkah itu adalah ekoran persetujuan Dr. Mahathir dengan cadangan kongres itu pada 14 Mac lalu supaya Jadual Gaji Matriks dalam SSB dikaji semula dengan serta-merta oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Namun begitu JPA mempunyai alasan tersendiri untuk mengekalkan sistem ini dengan mendakwa ia akan melahirkan kakitangan yang berkualiti.

SSB yang diperkenalkan pada Januari 1992, kini dikatakan tidak relevan lagi walaupun telah melalui beberapa perubahan dari semasa ke semasa dalam usaha untuk menjaga kebajikan kakitangan kerajaan.